

Headline	Kongres rakyat tersasar daripada tujuan asal Penganalisis Politik		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	16 Sep 2015	Language	Malay
Circulation	17,812	Readership	53,436
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	7	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 496	PR Value	RM 1,488



# Kongres rakyat tersasar daripada tujuan asal: Penganalisis Politik

**KUALA LUMPUR:** Seorang ahli akademik membidas sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana menjadikan satu forum yang kononnya dianjurkan untuk membincangkan isu dan pelbagai masalah semasa kepada medan meluahkan perasaan 'antikerajaan'.

Pensyarah kanan Kajian Politik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia Md Shukri Shuib berkata forum itu semata-mata menjadi platform bagi sekumpulan "artis politik" untuk meluahkan rasa "tidak puas hati" terhadap Kerajaan Persekutuan, dan gagal gagal membawa sebarang alternatif kepada permasalahan kritikal yang dihadapi negara ketika ini.

Pada Sabtu lalu, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO) lain mengadakan satu forum di Shah Alam bertajuk 'Kongres Rakyat: Membina Negara Sejahtera'.

Sebelum itu, pada bulan lalu, Presiden MAPIM Mohd Azmi Abdul Hamid berkata forum itu akan menjadi platform "untuk rakyat" membincangkan idea-idea politik dan ekonomi.

Beliau berkata penganjuran forum atau dialog adalah platform yang lebih sesuai untuk orang ramai menyampaikan aspirasi mereka, bukanlah dengan meluahkan rungutan melalui demonstrasi jalanan.

Md Shukri mendakwa bahawa penganjuran

yang kononnya kongres untuk rakyat itu sebaliknya hanya memuaskan hati golongan elit parti-parti politik tertentu, malah, bahkan gagal mengemukakan apa-apa pelan tindakan yang membina ke arah menyelesaikan masalah rakyat.

Beliau berkata kongres yang berakhir dengan "Deklarasi Rakyat" merupakan tidak lebih daripada himpunan aduan terhadap dasar-dasar kerajaan persekutuan.

"Jika sekalipun terdapat apa-apa resolusi, saya rasa ia lebih sesuai untuk diterima pakai di negeri-negeri yang diperintah oleh parti-parti pembangkang (Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor) kerana terdapat pelbagai konflik dan polemik yang meresahkan rakyat di negeri-negeri berkenaan.

"Mereka tidak sepatutnya menggunakan istilah 'kongres rakyat' jika mahu menggunakan aktiviti terbabit sebagai platform untuk merungut dan membebel. Rakyat negara ini sudah muak dengan rungutan politik yang tidak berkesudahan dan nyata sekali pihak pembangkang sudah ketandusan oakar-pakar dan golongan pemikir untuk menjadi ikon kepimpinan politik negara," kata beliau.

Md Shukri seterusnya berharap agar mana-mana parti politik tidak mengambil kesempatan daripada permasalahan yang dihadapi negara, sebaliknya harus memilih otak yang terbaik dan memberikan cadangan yang berdaya maju dalam membantu negara ke arah pemulihan ekonomi. - Bernama